

Najib Ajak Rakyat Kelantan Tolak PAS Gagal Tunai Janji, Bohong Rakyat Bernama
2 Mei, 2013

PASIR PUTEH, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak rakyat Kelantan menolak PAS pada pilihan raya umum ke-13 Ahad ini, kerana pemimpin parti itu banyak menipu rakyat dengan janji yang tidak ditepati sepanjang 23 tahun memerintah negeri ini.

Beliau berkata pemimpin parti itu hanya pandai melaungkan slogan tetapi pengisiannya tidak ada untuk memajukan negeri ini sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat.

"Bo lah weh, cukuplah 23 tahun, tipu rakyat, bohong. Ini nak buat lebuh raya Kota Baharu-Kuala Krai, buat tabung, ingat boleh buat lebuh raya dengan tabung (pungut derma daripada rakyat)?, berapa banyak tabung masuk, (sedangkan) kos RM2 bilion...(tentunya) tak boleh buat," katanya ketika berucap pada Program Himpunan Rakyat 1Malaysia di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Petai, di sini Khamis.

Hadir bersama kira-kira 20,000 orang ialah Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed dan timbalannya Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Najib yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini, mempersoal PAS yang sering melaungkan slogan negara Islam dan Kelantan sebagai serambi Mekah, tetapi mana masjid yang dibina, sebagai antara lambang mereka menengakkan Islam di negeri ini.

Najib yang juga Pengerusi BN, memberi jaminan kepada rakyat Kelantan bahawa kerajaan BN akan menunaikan sepenuhnya tujuh janji yang diumumkan beliausebelum ini bagi memajukan rakyat dan negeri ini apabila rakyat memberi mandat kepada BN pada PRU13.

Tujuh janji itu ialah membina lebuh raya Kota Baharu-Kuala Krai, masjid negeri yang akan menjadi ikon negeri itu, stadium, kampus bandar Universiti Teknologi Mara (UiTM), membina 3,000 unit rumah mampu milik, perkhidmatan bas rapid Kota Baharu dan menyelesaikan masalah bekalan air.

"Ambo beri jaminan menang PRU13, lebuh raya, stadium, masjid dan lain-lain lagi kita akan buat, ambo dah janji buat rumah mampu milik di Kota Baharu sudah pun dimulakan, tempat lain pun kita akan buat, di Pasir Puteh ini pun kita buat. Tujuh perkara itu hanya permulaan, banyak lagi kita akan buat," katanya.

Perdana menteri berkata Mustapa ialah calon sesuai untuk menjadi menteri besar Kelantan berikutan rekodnya yang bersih dan jujur serta berpengalaman luas sebagai menteri kabinet dan di peringkat antarabangsa.

Beliau yakin dengan pengalaman yang luas itu, Mustapa mampu membawa banyak pelaburan bagi melaksanakan pelbagai projek besar untuk dimanfaatkan rakyat negeri ini.

Najib juga berkata kerajaan BN mempunyai wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang lebih kuat, bermaruah, dihormati dan dicontohi oleh negara Islam lain.

"Saya, Datuk Pa (Mustapa), hadir persidangan OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam) dengan negara Islam lain, kita ada Mali, Senegal, Comoros, tetapi negara Islam ini, maaf cakap,

mundur dan miskin, tetapi di peringkat OIC, Malaysia masih dihormati kerana mereka melihat di bawah kepimpinan BN makin maju dan berjaya.

"Jangan nak main slogan, main bendera bulan, orang OIC tidak hormat bendera bulan, dia hormat kalau negara Islam kuat kerana ilmu, ekonomi, perdagangan, politik mantap, berasaskan makasid syariah," katanya.

Beliau berkata PAS tidak berupaya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh dan dihormati sebaliknya akan menjadi mundur.

"Macam mana nak kata ada maruah, pergi OIC, orang Arab kata masalah air di Kelantan pun tak selesai, mu nak kecek gapo (cakap apa)...," katanya yang turut membidas pemimpin PAS yang hanya pandai bercakap tetapi tidak pergi ke Gaza untuk membantu umat Islam Palestin, sebagaimana beliau lakukan untuk membantu umat Islam yang terjejas di sana.

Sehubungan itu, Najib menasihati rakyat supaya membuat pilihan yang tepat pada PRU13 Ahad ini, untuk masa depan negara yang lebih cemerlang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946806>